

12/04/2000

Malaysia pertahan kerangka kewangan antarabangsa

Mior Kamarul Shahid in Havana

HAVANA, Selasa - Malaysia mempertahankan gagasan kerangka kewangan antarabangsa dalam sidang Puncak Selatan Kumpulan 77 (G77) demi melindungi kepentingan negara membangun, walaupun ada negara anggota lebih cenderung mendesak supaya institusi tertentu melupuskan tanggungan hutang mereka.

Pendirian Malaysia itu diterima oleh banyak negara dalam mesyuarat peringkat pegawai kanan negara anggota G77 yang bermula di sini hari ini.

Sebelum itu, Pengerusi G77, C I Mbanefo dari Nigeria menyatakan kebanyakan negara membangun, terutama di Afrika, mahukan hutang negara mereka dilupuskan, daripada bercakap mengenai soal kerangka kewangan antarabangsa.

Menjelaskan isu itu, Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar berkata, isu kerangka kewangan antarabangsa dan pelupusan hutang adalah dua perkara yang berbeza dan kesannya juga berbeza.

"Dari segi prinsipnya, soal hutang boleh diselesaikan. Tetapi, ia tidak sewajarnya mengganggu pelaksanaan kerangka kewangan antarabangsa.

"Kerangka kewangan antarabangsa adalah untuk mewujudkan ketelusan dan bertanggungjawab dalam badan dunia seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia. Begitu juga isu mata wang," katanya.

Beliau menjelaskan demikian selepas yang diberi taklimat oleh Wakil Tetap Malaysia di Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York, Datuk Hasmi Agam, selaku ketua perwakilan Malaysia ke mesyuarat G77.

Syed Hamid menegaskan, negara membangun tidak seharusnya membiarkan pedagang, pengurus dana atau syarikat dana lindung nilai, keluar masuk negara mereka untuk mengambil bahagian dalam pengaliran kewangan tanpa mekanisme yang boleh melindungi negara membangun.

Sumber-sumber mesyuarat berkata pelaksanaan kerangka kewangan antarabangsa tetap menjadi agenda perbincangan penting dan sebahagian program bertindak yang akan dikemukakan di mesyuarat peringkat menteri esok serta sidang puncak G77 lusa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara kira-kira 60 ketua negara dan kerajaan dari 133 negara anggota yang akan hadir di sidang itu.

Dr Mahathir yang tiba di sini hari ini, dijangka berucap pada sesi kerja pertama dalam sidang yang buat ulung kalinya dijalankan secara interaktif di mana ketua-ketua negara akan bersoal jawab.

Berikutan G77 juga dianggap persediaan menghadapi satu persidangan alaf anjuran PBB, September ini, ia turut dihadiri Setiausaha Agung badan dunia itu, Kofi Annan.

Pemerhati berpendapat inti ucapan Dr Mahathir akan berkisar mengenai kesan globalisasi terhadap negara membangun. Malaysia mengakui ancaman globalisasi tidak dapat dielakkan tetapi negara membangun seharusnya bersiap sedia untuk menghadapinya dengan mewujudkan satu orde dunia yang lebih adil dan saksama termasuk dalam menangani soal perdagangan, pelaburan dan kewangan.

Ini kerana apabila menghadapi apa juga masalah yang membabitkan krisis ekonomi, sudah tersedia satu mekanisme yang dapat digunakan untuk memberi perlindungan kepada negara membangun. Setakat ini walaupun kerangka kewangan antarabangsa sudah dipersetujui, ia masih belum dapat digerakkan.

Dalam proses globalisasi dan liberalisasi perdagangan, Syed Hamid berkata, negara maju tidak seharusnya semata-mata memcari peluang pasaran

di negara membangun tetapi mereka juga harus membuka pasaran mereka secara bebas kepada negara membangun.

Katanya, soal tanggungan hutang yang membebankan negara membangun akan dirangkum dalam program bertindak G77 untuk membebaskan mereka daripada masalah pembayaran atau mengurangkan hutang.

Mengenai mekanisme Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA), Syed Hamid berkata ia mestilah dilihat sebagai satu usaha produktif.

Ketika ini, sumbangan ODA kian merosot. Negara maju seharusnya memenuhi komitmen mereka menyumbang 0.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada ODA dan antara 0.15 hingga 0.20 peratus kepada Negara Kurang Maju (LDC).

"Kita perlu mewujudkan satu standard. Kita juga tidak mahu isu hak asasi dilihat berasingan daripada soal pembangunan. Jika ODA boleh memberi sesetengah daripada jawapan kepada sesetengah persoalan, kita juga perlu mekanisme yang mapan," katanya.

Syed Hamid berkata soal pembangunan tidak boleh diasingkan dengan soal hak asasi manusia dan hak awam serta politik, sebaliknya perlu dilihat secara menyeluruh.

Dalam mesyuarat peringkat pegawai kanan, perwakilan membincangkan kandungan dua dokumen yang dianggap penting - Deklarasi Havana dan program bertindak G77 yang memberi penekanan kepada soal politik dan kerjasama dalam menghadapi arus globalisasi dalam ekonomi dunia selain hubungan kerjasama Utara-Selatan dan Selatan-Selatan.

Mereka juga berbincang mengenai isu teknologi berasaskan pengetahuan.

Sidang puncak G77 di Cuba ini adalah yang pertama diadakan setelah dicadangkan menerusi mesyuarat mengenai perdagangan, pelaburan dan kewangan di Costa Rica pada 1997.

(END)